

Pulau Pinang hab logistik

UM- 1/8/2007

BUTTERWORTH 31 Julai - Datuk Seri Abdullah Ahmad Badawi hari ini mengumumkan pemilihan Pulau Pinang sebagai hab logistik Wilayah Ekonomi Koridor Utara (Koridor Utara) bagi menampung peningkatan ketara aktiviti ekonomi ekoran perkembangan pesat aktiviti pertanian, pembuatan dan pemrosesan di negeri-negeri utara Semenanjung.

Menurut Perdana Menteri, sebagai wilayah yang berkembang pesat, Koridor Utara memerlukan sebuah pusat logistik yang mampu menggerakkan tenaga pekerja, bahan mentah yang diimport untuk diproses serta melicinkan pergerakan barangan siap ke destinasi akhir.

Katanya, produk yang dihasilkan daripada kawasan pertanian, pembuatan serta pemrosesan Koridor Utara perlu disalurkan secara efisien ke pasaran domestik dan eksport.

"Pada pandangan saya, dengan adanya rangkaian logistik yang bersepadu, produk-produk yang dihasilkan ini akan mendapat pasaran yang luas dan pulangan terbaik," katanya ketika berucap melancarkan Koridor Utara peringkat Pulau Pinang di sini hari ini.

Hadir sama ialah isteri Perdana Menteri, Datin Seri Jeanne Abdullah, Menteri-Menteri Besar dan Ketua Menteri empat negeri terlibat iaitu Tan Sri Dr. Koh Tsu Koon, Datuk Seri Mahdzir Khalid, Datuk Seri Shahidan Kassim dan Datuk Seri Tajol Rosli Ghazali.

Turut hadir ialah Menteri Kewangan Kedua, Tan Sri Nor Mohamed Yakcop; Menteri di Jabatan Perdana Menteri, Datuk Seri Mohd. Effendi Norwawi; Menteri Pengangkutan, Datuk Seri Chan Kong Choy dan Pengerusi Sime Darby Bhd., Tan Sri Ahmad Sarji Abdul Hamid.

Rangka tindakan Koridor Utara dilancarkan Perdana Menteri di Alor Star semalam melibatkan anggaran pelaburan kira-kira RM177 bilion sehingga 2025 iaitu rancangan pembangunan komprehensif yang menjanjikan masa depan cerah kepada lebih empat juta penduduk negeri Kedah, Perlis, Pulau Pinang dan Perak.

Abdullah turut menyuarakan keyakinannya bahawa peningkatan infrastruktur logistik akan menjadikan Pulau Pi-



ABDULLAH Ahmad Badawi dan Koh Tsu Koon melambai tangan kepada pemandu dan para penumpang selepas melancarkan bas RapidPenang di Butterworth Pulau Pinang, semalam.

nang sebagai gerbang Koridor Utara, di samping mengukuhkan kedudukan negeri ini sebagai hab logistik terbaik bagi Segitiga Pembangunan Indonesia-Malaysia-Thailand (IMT-GT).

"Teras pembangunan utama negeri Pulau Pinang dalam konteks Koridor Utara adalah untuk mempertingkatkan keupayaannya sebagai hab logistik wilayah ini.

"Usaha ini merangkumi pelaksanaan program peningkatan kapasiti dan jaringan rangkaian infrastruktur logistik secara bersepadu di Pulau Pinang," katanya.

Bagaimanapun, menurut beliau, walaupun Pulau Pinang mempunyai kemudahan logistik termasuk kedekatan dengan Lebuhraya Utara-Selatan, Jamba-

tan Pulau Pinang, pelabuhan laut dalam dan lapangan terbang bertaraf antarabangsa yang semuanya bermutu dan berada dalam keadaan baik, namun peningkatan aktiviti ekonomi pada masa hadapan akan menambah beban dan tekanan ke atas infrastruktur itu.

Katanya, Pelabuhan Pulau Pinang tidak lagi dapat menampung kapal kontena terbesar dan tidak mencukupi untuk mengendalikan aliran kontena yang dijangka meningkat.

Sehubungan itu, katanya, Pelabuhan Pulau Pinang akan dipromosikan sebagai pelabuhan utama Koridor Utara dan IMT-GT.

"Justeru, kemudahan pelabuhan itu akan

dipertingkatkan untuk mengendalikan jumlah kontena yang lebih tinggi dan kapal kontena yang lebih besar," ujar beliau.

Dari segi pengangkutan udara pula, katanya, kapasiti Lapangan Terbang Antarabangsa Bayan Lepas yang dikenali sebagai Hab Kargo Udara Utama perlu dipertingkatkan untuk mengendalikan peningkatan jumlah penumpang dan kargo bagi mengeksport makanan mudah rosak bermutu tinggi.

"Kemudahan yang akan ditambah baik di Bayan Lepas termasuklah pembinaan terminal penumpang dan kargo yang baru serta landasan tambahan bagi menampung pergerakan udara yang semakin pesat," kaanya.